

# Malaysia sedia tubuh sekretariat realisasikan penggunaan dinar emas

24 OCT 2007

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Malaysia bersedia menubuhkan sekretariat bagi merealisasikan penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan antarabangsa, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sekretariat itu kelak mungkin akan berperanan memberi penjelasan mengenai konsep dan masalah termasuk undang-undang yang perlu dipinda dan disesuaikan dengan rejim kewangan antarabangsa.

“Saya akan maklumkan kepada Kabinet (dan) kalau setuju akan suruh Bank Negara tubuhkan satu sekretariat,” katanya kepada

pemberita selepas menutup Seminar Antarabangsa Dinar Emas Dalam Perdagangan Pelbagai Hala di sini, hari ini.

Cadangan penubuhan sekretariat itu dibangkitkan oleh peserta dari Iran semasa sesi dialog pada seminar itu yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Menurut Perdana Menteri, sehingga kini Iran menunjukkan minat untuk menggunakan sistem dinar emas dalam perdagangan dengan Malaysia.

Kata beliau, Iran adalah antara beberapa negara Islam yang dilihat berpotensi untuk melaksanakannya kerana mempunyai rezab kewangan yang kukuh.

Terdahulu menjawab soalan peserta pada sesi dialog, Dr. Mahathir mengakui pergantungan dengan negara lain mungkin menjadi penghalang bagi sesetengah negara Islam untuk menerima sistem itu.

Bagaimanapun, beliau optimis daripada lebih 50 negara Islam, sudah tentu ada yang tidak terikat dengan hutang dan boleh bekerjasama melaksanakan sistem dinar emas itu.

“Kita sedang cuba mengenal pasti negara terbabit dan mungkin boleh dimulakan perdagangan menggunakan dinar emas dengan dua negara,” katanya.